

07/04/1999

`Sun Media tiada perlindungan bersyarat'

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Sun Media Corporation Sdn Bhd yang menerbit akhbar The Sun, tidak mempunyai perlindungan bersyarat ketika menyiarkan perkataan yang didakwa memfitnahnya pada September tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya, pembelaan perlindungan bersyarat Sun Media (defendan) mesti gagal kerana syarikat berkenaan didorong niat jahat ketika menyiarkan perkataan yang didakwa memfitnahnya.

Anwar memberikan sebab pembelaan perlindungan bersyarat itu mesti gagal, antaranya defendan gagal memastikan laporan yang mengandungi perkataan adalah tepat dan wajar sebelum diterbitkan.

Beliau berkata demikian dalam jawapannya kepada pernyataan pembelaan Sun Media yang difailkan pada 24 Mac lalu menerusi Tetuan Karpal Singh And Company di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark, di sini.

Pada 11 Mac lalu, Sun Media memfailkan pernyataan pembelaan bagi menjawab saman malu Anwar yang menuntut ganti rugi RM100 juta daripada syarikat berkenaan.

Anwar berkata, defendan juga gagal menyiarkan semula keseluruhan wawancara yang mengandungi perkataan berkenaan tetapi memilih untuk menonjolkan perkara membabitkannya.

Menurutnya, Sun Media tidak berwaspada ketika menyiarkan perkataan itu kerana sebelum itu ia mengetahui Anwar menafikan pembabitannya dalam sebarang salah laku seksual.

Katanya, walaupun mengetahui penafian itu defendan terus untuk menerbitkan perkataan berkenaan tanpa memberinya peluang bagi memberi penjelasan atau mengesahkan tuduhan itu.

Beliau berkata, defendan tahu bahawa Perdana Menteri diberitahu berhubung tuduhan itu dan tidak menemuduga Dr Munawar Ahmad Anees bagi menentukan ketepatan perkara itu.

Menurutnya, defendan tidak berusaha untuk memastikan sama ada Dr Munawar ingin merayu terhadap sabitan dan hukuman penjara enam bulan selepas mengaku bersalah membenarkan dirinya diliwat Anwar.

Katanya, Dr Munawar mengemukakan rayuan pada 29 September tahun lalu dan perkataan yang diterbitkan defendan itu dibuat secara melulu tanpa menghiraukan kebenaran dan tidak berniat jujur.

Anwar berkata, defendan mengetahui bahawa beliau dalam tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri dan tidak boleh menjawab tohmahan ketika menyiarkan perkataan berkenaan.

Dalam penyataan tuntutan, yang difailkan pada 26 Februari lalu, Anwar menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa Sun Media menerusi The Sun mengeluarkan satu artikel yang berniat jahat serta memfitnahnya.

Artikel bertajuk `Anwar's Behaviour Despicable' diterbitkan di halaman dua akhbar itu pada 23 September 1998.

Artikel itu memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggambarkan pembabitkan Anwar dalam perbuatan seks luar tabii dengan seorang lelaki lain.

Sun Media dalam pembelaannya menafikan perkataan yang diadukan dalam tuntutan Anwar membawa atau difahamkan untuk membawa maksud yang Anwar seorang homoseksual yang bertentangan dengan aturan tabii.

Selain itu, defendan berkata perkataan yang diadukan diterbitkan atas satu keadaan perlindungan bersyarat.

Menurutnya, ia menjadi kewajiban defendan menerbitkan artikel berkenaan untuk pembacanya.

Sun Media mendakwa artikel berkenaan melaporkan dengan tepat kenyataan Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri pada 22 September 1998, yang turut dilaporkan dalam akhbar kebangsaan lain.

Menurutnya, dalam sidang akhbar berkenaan, Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung pelucutan jawatan Anwar serta sebab beliau ditahan dan salah laku seks yang dikatakan dibuat oleh Anwar.

Selanjutnya, kata defendan, perkataan yang diterbitkan adalah komen yang berpatutan berhubung perkara yang membabitkan kepentingan umum.

Selain itu, Sun Media juga mengakui menerbitkan semula perkataan berkenaan sebagai sebahagian satu artikel lain pada 28 Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, itu dibuat selepas plaintif mengumumkan secara terbuka berhubung saman terhadap The Sun.

(END)